

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
SUBSIDIARI MARA 2015
(*SUBSIDIARIES ICON AWARD 2015*)**

**MUTIARA BALLROOM,
THE ROYALE CHULAN DAMANSARA**

**10 MEI 2016, SELASA
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

Salutasi Sewajarnya

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan inayah-NYA, pada hari ini dapat kita berkumpul dalam majlis yang amat bermakna iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Subsidiari MARA 2015 (*Subsidiaries Icon Award 2015*)
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak MARA atas kesudian menjemput saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan majlis pada malam ini.
3. Sebelum melangkah lebih jauh, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada MARA atas penerimaan “Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan” sempena Sambutan Hari Pekerja CUEPACS 2016 pada 1 Mei yang lalu.
4. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada saudara Mohd Fauzi Ismail daripada GIATMARA yang telah menerima Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Bukan Eksekutif) pada Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2016.
5. Penganugerahan ini menunjukkan MARA selaku agensi pemegang amanah yang bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat malah sentiasa membuka ruang-ruang peningkatan kerjaya kepada warga kerjanya yang diiktiraf di peringkat nasional. Tahniah saya ucapkan.

SEKTOR PELABURAN MARA

6. MARA telah pun **menjalankan aktiviti pelaburannya sejak 1967 lagi** apabila Amanah Saham MARA Berhad (ASMB) ditubuhkan yang merupakan perintis dalam industri unit amanah tempatan. Selaras dengan pelan transformasinya, maka bermula 2011, MARA telah menyusun semula subsidiarinya di bawah sektor pelaburan untuk fokus meneroka pelbagai peluang pelaburan termasuk meningkatkan nilai tambah pelaburan ke atas aset MARA.

7. Usaha ini dilaksanakan dengan matlamat mengekalkan pertumbuhan jangkamasa panjang menerusi pengurusan pelaburan dan perluasan perniagaan di dalam aspek pembangunan hartanah dan penyertaan ekuiti khusus dalam syarikat-syarikat yang berpotensi dan berprestasi tinggi.

8. Saya difahamkan, MARA kini mempunyai 25 syarikat meliputi 15 Syarikat Subsidiari; sebuah Syarikat Perbadanan; sebuah Syarikat Jaminan Terhad; enam (6) syarikat berstatus Dorman serta dua (2) Syarikat Bersekutu yang terbahagi kepada **perkhidmatan komersil, pengurusan, latihan dan juga pendidikan.**

9. Syarikat-syarikat ini **menjalankan aktiviti dalam pelbagai industri strategik** selaras dengan *National Key Result Area (NKRA)*, *Economic Transformation Plan (ETP)* dan agenda semasa kerajaan. Subsidiari MARA juga berperanan dalam **menjayakan matlamat penghasilan modal insan berkualiti negara** melalui peluang-peluang keusahawanan dan juga pendidikan yang disediakan.

SUBSIDIARIES ICON AWARDS 2015

10. Alhamdulillah, saya amat berbangga kerana syarikat subsidiari MARA secara langsung telah memainkan peranan membantu pewujudan modal insan seperti pewujudan usahawan dan juga pelajar cemerlang serta tenaga kerja mahir negara. Kejayaan yang dijelmakan ini sudah pasti hadir daripada komitmen jitu yang ditunjukkan oleh warga kerja subsidiari MARA.

11. Justeru, majlis yang dikenali sebagai Subsidiaries Icon Awards 2015 pada hari ini merupakan **manifestasi penghargaan kepada warga subsidiari MARA** yang telah terbukti memainkan peranan yang cukup signifikan dalam memastikan kecemerlangan subsidiari MARA.

12. Saya difahamkan seramai 364 orang penerima telah terpilih untuk menerima anugerah pada malam ini, mewakili 4.5% daripada keseluruhan 7,964 orang warga kerja subsidiari MARA. Justeru, apa yang diharapkan adalah penerima-penerima anugerah dapat dijadikan contoh serta dorongan kepada warga subsidiari yang lain ke arah pembentukan budaya kerja yang berprestasi tinggi.

MENJAYAKAN PEMERKASAAAN EKONOMI BUMIPUTERA

13. Sepanjang 50 tahun penubuhannya, MARA telah berjaya memainkan peranannya sebagai *socioeconomic engineering agency* dalam menyumbang kepada pembinaan negara bangsa Malaysia yang makmur di mana jumlah penerima manfaat atau *beneficiaries* MARA kini telah mencecah lebih 2 juta orang.

14. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, sudah pasti, kejayaan ini turut disumbang oleh sektor pelaburan MARA melalui peranan yang dijalankan oleh subsidiarinya. Saya turut difahamkan, sektor pelaburan MARA juga **terus fokus untuk menambah ekuiti Bumiputera** malah turut **digerakkan di bawah *embedded programme*** bersama sektor keusahawanan dan pendidikan MARA dalam merealisasikan matlamat pemerksaan ekonomi Bumiputera.

15. Saya amat berbangga dengan peranan yang telah dijalankan oleh sektor ini yang berani berubah dalam menceburi sektor perniagaan, pelaburan, mahu pun bidang pendidikan yang strategik serta mampu meningkatkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera supaya kita terus berjaya melahirkan masyarakat yang berpendapatan tinggi seiring.

16. Umpamanya **penerokaan secara aktif dalam bidang-bidang *high level sophistication industries*** seperti aeroangkasa, maritim dan RAIL sudah pasti **memberi *high value impact* dan menjana *high income*** di samping dapat membangunkan usahawan dan modal insan yang bertaraf dunia.

17. Oleh yang demikian, saya melihat sektor ini memainkan peranan penting di bawah transformasi MARA dengan memperluaskan lagi usaha untuk **menceburi bidang-bidang perniagaan yang berpotensi tinggi** atau *tailor made* sekali gus menawarkan peluang serta rangkaian nilai keusahawanan yang memberi kesan/impak tinggi kepada pembangunan negara.

18. Situasi perniagaan global kini telah berevolusi dengan wujudnya dunia tanpa sempadan melalui penggunaan internet yang meluas. Oleh yang demikian, subsidiari MARA perlu melihat peluang yang wujud dalam mengembangkan perniagaan pada peringkat antarabangsa sekali gus mempelbagaikan strategi termasuk menggunakan pelbagai instrumen perubahan untuk membina empayar perniagaan ke peringkat global.

19. Justeru, saya juga mahu sektor pelaburan MARA menjadi ***pathfinder* bagi industri berteknologi tinggi dan canggih** agar dapat merencanakan penglibatan usahawan Bumiputera dan pembangunan modal insan secara total dalam industri tersebut.

MENDEPANI MASA MENDATANG

20. Subsidiari MARA tidak boleh lagi bergerak secara *silo* dalam menjalankan perniagaan. Sekiranya kita mahu menjadi sebuah konglomerat yang berjaya, **semua subsidiari perlu bergerak bersama-sama** dan mengabungkan jalinan tenaga serta usaha bagi membantu usahawan untuk berjaya dalam sesuatu industri.

21. Sejar dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada Sambutan 50 tahun MARA yang lalu, MARA akan menstrukturkan semua anak syarikatnya melalui di bawah satu bumbung dengan nama MARA Corporation Berhad (MARA Corp) sebagai sebuah Government-Linked Investment Companies (GLICs).
22. Inisiatif ini akan **memacu subsidiari MARA ke arah syarikat konglomerat yang mampan** yang mana syarikat yang dilahirkan MARA tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kerajaan malah mampu meneroka kekayaan yang lebih luas sehingga ke peringkat global malah mengukuhkan lagi syarikat-syarikat subsidiari MARA yang sedia ada.
23. Keupayaan ini sekali gus mendorong kepada **pembentukan *intrapreneurship* yang lahir dari sumber dalaman** MARA itu sendiri. Malah lebih jauh, ia membuka lebih banyak *social entrepreneurship* kepada masyarakat Bumiputera melalui peluang-peluang ekonomi yang dicetuskan selaras dengan usaha MARA untuk **mewujudkan ekosistem keusahawanan yang merangkumkan nilai-nilai keusahawanan dan pendidikan.**
24. MARA Corp. juga merupakan ***the new game changer of MARA*** yang bukan sekadar berorientasikan pelaburan semata-mata, tetapi berperanan untuk membantu membangunkan usahawan kelas menengah Bumiputera sebagai **peneroka kepada industri baru yang strategik di samping mewujudkan peluang perniagaan serta pelbagai peluang pekerjaan.**
25. Natiyahnya, penubuhan MARA Corp akan bertindak sebagai ***turning point* untuk menyelaras semua subsidiari MARA** melalui kawalan dalam apa jua aktiviti seperti pelaburan, sumber manusia, penggunaan teknologi dan sebagainya sekali gus mengurangkan ketirisan integriti.

PENGUKUHAN JENTERA PENTADBIRAN SUBSIDIARI

26. Dalam menyokong hasrat ini, jentera pentadbiran subsidiari MARA juga akan diperkukuh dan diberi nafas baharu. Untuk mencapai segala apa yang digariskan tadi sememangnya memerlukan kepada struktur organisasi dan keupayaan dalaman secara langsung.

27. Kerana itulah, bagi memastikan subsidiari MARA terus kekal memacu pertumbuhan dan perkembangannya, maka kita amat perlu kepada *human capital* yang mempunyai daya *thinking outside the box or thinking in the new boxes*. Kelahiran modal inisan ini sudah pasti memerlukan kepada keintelektualan dan ilmu. Maka saya berharap agar program latihan-latihan peningkatan dan pembentukan pegawai-pegawai subsidiari MARA dapat diperkasakan dari semasa ke semasa.

PENUTUP

28. Akhir kata, saya mengingatkan kepada semua warga kerja MARA dan subsidiarinya, agar dapat menguruskan MARA menurut tadbir urus korporat yang terbaik (*best practices*), dan peganglah '**Amanah Rakyat**' sebagai nilai bersama yang sentiasa dijunjung dengan penuh tanggung jawab.

29. Anggota kerja MARA termasuk subsidiari kini hampir mencecah seramai 20,000 orang. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada anda semua atas curahan bakti termasuklah para penerima Anugerah pada malam ini. Juga tidak lupa tahniah kepada MARA dan warga kerjanya di setiap peringkat yang dari dahulu hingga kini bekerja keras untuk memastikan legasi perjuangan bangsa yang murni ini dapat diteruskan.

30. Apa yang kita harapkan agar usaha yang kita rencanakan bagi mendepani 50 tahun akan datang bakal menjadikan MARA sebagai sebuah **organisasi amanah yang unggul dan diberkati demi mengangkat martabat bangsa**.

31. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Subsidiari MARA 2015 (*Subsidiaries Icon Awards 2015*). Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.